

SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 57 (Zulhijjah, 1430H/Dec., 2009M)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma

ZULHIJJAH BULAN BERAMAL & BERKORBAN

Bulan Zulhijjah adalah bulan terakhir dalam taqvim Hijriyah. Dibulan ini banyak keutamaannya, kerana di bulan Zulhijjah ini umat Islam yang berkemampuan diwajibkan menunaikan ibadat Haji di Makkah Al-Mukarramah, bulan Hari Raya Aidil Adha, bulan umat Islam digalakkan melakukan ibadah korban dengan menyembelih binatang ternakan seperti unta, lembu, kerbau dan kambing dan juga bulan umat Islam dianjurkan supaya memperbanyakkan beramal soleh.

Di bulan ini umat Islam disunatkan berpuasa sunat, sunat Hari Arafah pada 9 Zulhijjah. Bahkan sebahagian ulama menganjurkan puasa sunat itu sejak bermula dari 1 hingga 8 Zulhijjah lagi dan keutamaan pada 9 Zulhijjah sunat berpuasa bagi orang yang tidak mengerjakan ibadat Haji. Selain itu, umat Islam dianjurkan supaya menghidupkan malam-malam 1 hingga 13 Zulhijjah dengan memperbanyakkan amal ibadah seperti solat, zikir, membaca Al-Quran dan sebagainya. Ini sejajar dengan sabda Baginda Nabi S.A.W yang bermaksud: "Barangsiapa yang menghidupkan empat malam, maka wajiblah dia memperoleh syurga; iaitu Malam Tarwiyah (pada 8 Zulhijjah), Malam Arafah (pada 9 Zulhijjah), Malam Nahar (pada malam 10 Zulhijjah) dan Malam Aidil Fitri (pada malam 1 Syawal)". (HR Ibnu 'Asakir dari Muaz R.A).

Dan umat Islam juga disunatkan bertasbih, bertakbir serta bertahmid pada malam 10 Zulhijjah sehingga ke Solat Sunat Aidil Adha. Kemudian takbir, tasbih tahmid itu disunatkan lagi pada setiap kali selepas solat Fardu sehingga ber-akhir selepas Solat Asar 13 Zulhijjah. Malah bermula dari 10 hingga 13 Zulhijjah pula umat Islam yang berkemampuan dianjurkan atau disunatkan menyembelih binatang ternak untuk dikorbankan.

Berkorban dengan melakukan penyembelihan binatang ternakan selama 4 hari berturut-turut (pada 10, 11, 12 dan 13) di bulan Zulhijjah bagi orang-orang yang berkemampuan, adalah satu tuntutan syariat yang telah ditentukan. Amalan korban dan ibadah korban ini tidak ada di bulan yang lain. Bersambung di mukasurat 4...

Jadual Aktiviti / Pengajian (Dec '09) Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Hari	Pengajar	Tajuk
01/12	Selasa	Ust. Hamim Semaon	Hadis
02/12	Rabu	Ust. Kamal Mahadi	Tafsir
03/12	Khamis	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Yaasin/Tahlil/Kuliah
04/12	Jumaat	Ust. Mohd Amin Al-Buntari	Umum
05/12	Sabtu	Ust. Ramadhan	Umum
06/12	Ahad	Ust. Abdul Karim	Akidah
07/12	Isnin	Ust. Hamzah	Tauhid
08/12	Selasa	Ust. Mazlan Khamis	Hadis
09/12	Rabu	Ust. Hj Sahrom	Umum
10/12	Khamis	Ust. Prof. Dr. Abd Hayei Abd Shukur	Hadis
11/12	Jumaat	Ust. Hj Mansor	Munakahat
12/12	Sabtu	Ust. Mohd Nizam Abd Kadir	Umum
13/12	Ahad	Ust. Muhadir Joll	Tasauf
14/12	Isnin	Ust. Hamzah	Tauhid
15/12	Selasa	Ust. Hamim Semaon	Hadis
16/12	Rabu	Ust. Kamal Mahadi	Tafsir
17/12	Khamis	Ust. Muhadir Joll	Sambutan Maal Hijrah
18/12	Jumaat	Ust. Mohd Amin Al-Buntari	Umum
19/12	Sabtu	Ust. Ahmad Al-Khauthari	Tafsir
20/12	Ahad	Ust. Muhadir Joll	Tasauf
21/12	Isnin	Ust. Hariyanto R. Rokman	Umum
22/12	Selasa	Ust. Mazlan Khamis	Hadis
23/12	Rabu	Ust. Hasrizal Jamil	Umum
24/12	Khamis	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Yaasin/Tahlil/Kuliah Umum
25/12	Jumaat	Ust. Hj Abd Rashid Al-Hafiz	Umum
26/12	Sabtu	Ust. Fauza Mohd Ali	Tasauf
27/12	Ahad	Ust. Muhadir Joll	Tafsir
28/12	Isnin	Ust. Kasfun Nazir	Umum
29/12	Selasa	Ust. Dato' Shahir H Khalid	Feqah
30/12	Rabu	Ust. Khairuzaman A Kadir	Yaasin/Tahlil/Kuliah
31/12	Khamis	Ust. Ibni Abdil Barry	
Kuliah Khas HELWA			
Rabu 8.30 pagi		Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Tafsir
Jumaat 8.30 pagi		Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul
Kuliah Suboh			
05/12	Sabtu	Ust. Osman Khusnan	Umum
06/12	Ahad	Ust. Miftahuddin	Umum
12/12	Sabtu	Ust. Mohd Nazri Din	Umum
13/12	Ahad	Ust. Khairi Al-Hafiz	Umum
18/12	Jumaat	Ust. Ibni Abdil Barry	Umum
19/12	Sabtu	Ust. Md Nizam A Kadir	Umum
20/12	Ahad	Ust. Azizi Mat Daud	Umum
25/12	Jumaat	TBA	Umum
26/12	Sabtu	Ust. Ibrahim Zakaria	Umum
27/12	Ahad	Ust. Kamaruddin	Umum

PERHATIAN: Jadual di atas tertakluk kepada perubahan, sila semak di Papan Notis surau untuk jadual terkini.
Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturkan.

Tazkirah: 5 Perkara Elok Disebut

Nabi Muhammad saw pernah mengingatkan umat-umatnya tentang kelima-lima perkara ini iaitu:

Perbanyakkan menyebut Allah daripada menyebut makhluk.

Sudah menjadi kebiasaan bagi kita menyebut atau memuji-muji orang yang berbuat baik kepada kita sehingga kadang-kadang kita terlupa hakikat bahawa terlampau banyak nikmat yang telah Allah berikan kepada kita. Lantaran itu, kita terlupa memuji dan menyebut-nyebut nama Allah. Makhluk yang berbuat baik sedikit kita puji habis tapi nikmat yang terlalu banyak Allah berikan kita langsung tak ingat. Sebaik-baiknya elok dibasahi lidah kita dengan memuji Allah setiap ketika, bukan ucapan Al-hamdulillah hanya apabila sudah kekenyangan hingga sedawa. Pujian begini hanya di lidah saja tak menyelera hingga ke hati.

Perbanyakkan menyebut akhirat daripada menyebut urusan dunia.

Dunia terlalu sedikit dibandingkan dengan akhirat. 1000 tahun di dunia setimpal dengan ukuran masa sehari di akhirat. Betapa kecilnya nisbah umur di dunia ini berbanding akhirat. Nikmat dunia juga 1/100 daripada nikmat akhirat. Begitu juga seksa dan kepayahan hidup di dunia hanya 1/100 daripada akhirat. Hanya orang yang senteng fikiran sibuk memikirkan Wawasan Dunia (WD) hingga terlupa Wawasan Akhirat (WA). Manusia yang paling cerdik ialah mereka yang sibuk merancang Wawasan Akhiratnya. Saham Amanah Dunia (SAD) tak penting, tapi yang paling penting ialah Saham Amanah Akhirat (SAA) yang tak pernah rugi dan merudum malahan sentiasa naik berlipat kali ganda. Oleh itu perbanyakkanlah menyebut-nyebut perihal akhirat supaya timbul keghairahan menanam dan melabur saham akhirat.

Perbanyakkan menyebut dan mengingat hal-hal kematian daripada hal-hal kehidupan.

Kita sering memikirkan bekalan hidup ketika tua dan bersara tapi jarang memikirkan bekalan hidup semasa mati. Memikirkan mati adalah sunat kerana dengan berbuat demikian kita akan menginsafi diri dan kekurangan amalan yang perlu dibawa ke sana. Perjalanan yang jauh ke akhirat sudah tentu memerlukan bekalan yang amat banyak. Bekalan itu hendaklah dikumpulkan semasa hidup di dunia ini. Dunia ibarat kebun akhirat. Kalau tak usahakan kebun dunia ini masakan dapat mengutip hasilnya di akhirat? Dalam hubungan ini eloklah sikap Saidina Alli dicontohi. Meskipun sudah terjamin akan syurga, Saidina Ali masih mengeluh dengan hebat sekali tentang kurangnya amalan untuk dibawa ke akhirat yang jauh perjalanannya. Betapa pula dengan diri kita yang kerdil dan bergelumang dengan dosa?

Jangan menyebut-nyebut kebaikan diri dan keluarga.

Syaitan memang sentiasa hendak memrangkap diri kita dengan menyuruh atau membisikkan kepada diri kita supaya sentiasa mengingat atau menyebut-nyebut tentang kebaikan yang kita lakukan sama ada kepada diri sendiri, keluarga atau masyarakat amnya. Satu kebaikan yang kita buat, kita sebut-sebut selalu macam rasmi ayam 'bertelur sebiji riuh sekampung'. Kita terlupa bahawa dengan menyebut dan mengingat kebaikan kita itu sudah menimbulkan satu penyakit hati iaitu ujub. Penyakit ujub ini ibarat api dalam sekam boleh merosakkan pahala kebajikan yang kita buat. Lebih dahsyat lagi jika menimbulkan ria' atau bangga diri yang mana Allah telah memberi amaran sesiapa yang memakai sifatNya (ria') tidak akan mencium bau syurga. Ria' adalah satu unsur dari syirik (khafi). Oleh itu eloklah kita berhati-hati supaya menghindarkan diri daripada mengingat kebaikan diri kita kepada orang lain. Kita perlu sedar bahawa perbuatan baik yang ada

pada diri kita itu sebenarnya datang dari Allah. Allah yang menyuruh kita buat baik. Jadi kita patut bersyukur kepada Allah kerana menjadikan kita orang baik, bukannya mendabik dada mengatakan kita orang baik. Kita terlupa kepada Allah yang mengurniakan kebaikan itu.

Jangan sebut-sebut dan nampak-nampakkan kebaikan atau keburukan diri orang lain.

Kegelapan hati ditokok dengan rangsangan syaitan selalu menyebabkan diri kita menyebut-nyebut kesalahan dan kekurangan orang lain. Kita terdorong melihat keaiban orang sehingga terlupa melihat keaiban dan kekurangan diri kita sendiri. Bak kata orang tua-tua 'kuman seberang lautan nampak, tapi gajah di depan mata tak kelihatan'. Islam menuntut kita melihat kekurangan diri supaya dengan cara itu kita dapat memperbaiki kekurangan diri kita. Menuding jari mengatakan orang lain tak betul sebenarnya memberikan isyarat bahawa diri kita sendiri tidak betul. Ibarat menunjuk jari telunjuk kepada orang; satu jari arah ke orang itu tapi 4 lagi jari menuding ke arah diri kita. Bermakna bukan orang itu yang buruk, malahan diri kita lebih buruk daripadanya. Oleh sebab itu, biasakan diri kita melihat keburukan diri kita bukannya keburukan orang lain. Jangan menjaga tepi kain orang sedangkan tepi kain kita koyak rabak. Dalam Islam ada digariskan sikap positif yang perlu dihayati dalam hubungan sesama manusia iaitu lihatlah satu kebaikan yang ada pada diri seseorang, meskipun ada banyak kejahatan yang ada pada dirinya. Apabila melihat diri kita pula, lihatlah kejahatan yang ada pada diri kita walaupun kita pernah berbuat baik. Hanya dengan cara ini kita terselesa dari bisikan syaitan yang memang sentiasa mengatur perangkap untuk menjerumuskan kita ke dalam api neraka.

Kita terdorong melihat keaiban orang sehingga terlupa melihat keaiban dan kekurangan diri kita sendiri. Bak kata orang tua-tua 'kuman seberang lautan nampak, tapi gajah di depan mata tak kelihatan'.



Info Sihat: Kalori & Faktanya

Apa itu kalori?

Kalori adalah unit untuk mengukur tenaga.

Adakah badan perlukan kalori?

Ya, badan perlukan kalori untuk menjana tenaga, tetapi jika ia diambil (dimakan) terlalu banyak dan tidak dibakar, ia akan ditukar menjadi lemak dan disimpan dalam badan, ini akan menyebabkan penambahan berat badan dan membahayakan kesihatan.

Berapa kalori diperlukan oleh lelaki dan wanita dewasa dalam sehari?

Lelaki: 2000-2500 kalori

Wanita: 1600-2000 kalori

Apa akan berlaku jika saya makan lebih pada itu?

Setiap 8000 kalori yang terkumpul (tidak dibakar) akan menaikkan 1kg berat badan.

Apa akan berlaku jika tabiat makan kita seperti di atas berlarutanselama setahun?

Jika lelaki bakar 2500 kalori tetapi makan 3043 kalori sehari maka mereka akan simpan 543 kalori setiap hari sebagai lemak. 543 X 365 hari = 198,195 kalori setahun disimpan. Jadi dalam setahun berat akan meningkat sebanyak 24.77kg!! (198,195 / 8000).

Bagaimana untuk bakar kalori?

Tingkatkan aktiviti harian, berjalan pantas, naik turun tangga, cuci kereta, bersukan, senaman. Kurangkan menonton TV atau bermain permainan komputer kerana badan hanya membakar


Berapa kalori dibakar dengan aktiviti yang kita lakukan?

Kalori yang dibakar bergantung pada berat badan dan ketumpatan tubuh seseorang Berikut adalah kiraan kalori yang dibakar seorang yang seberat 68kg beraktiviti selama sejam.

- Menonton TV = 40 kalori,
- Berjalan pantas = 300 kalori,
- Bermain bola keranjang (agresif) = 450 kalori,
- Mengemas rumah = 240 kalori,
- Berkebun = 320 kalori,
- Bermain golf (bawa sendiri Club) = 385 kalori,
- Berbasikal statik = 380 kalori,
- Erobik = 405 kalori,
- Ping Pong = 280 kalori



ENGLISH CORNER



Have fun with English...

#4 FIND THE HIDDEN WORDS

X	Y	M	B	I	T	A	C	K	K	J
K	X	F	Y	O	F	A	S	O	K	D
S	X	T	M	T	T	C	B	M	W	H
R	R	A	N	A	T	B	S	P	K	H
H	T	O	T	C	D	W	L	Z	O	R
O	E	P	T	V	V	Z	O	P	I	F
R	K	E	M	C	S	G	J	N	D	N
S	S	E	C	Q	A	C	I	Z	L	W
E	A	H	C	F	X	R	B	K	Y	K
C	B	S	L	M	Q	X	T	L	R	A

TOMATO
COW
TRACTOR
HORSE

SHEEP
BASKET
CAT



"A positive attitude may not solve all your problems, but it will annoy enough people to make it worth the effort." Herm Albright

WORD JUMBLE

NEO	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>				
ETN	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>				
RUFO	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>			
THEGI	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>		
Answer:	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

See next page for the answers...

(Mereka berdoa dengan berkata): Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberianNya. (Ali Imran : 8)

PESANAN - Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. seke-
lian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga
kesucian

Dari mukasurat 1...

Fadhilat Dan Hikmah Korban

Hadith : Rasulullah s.a.w bersabda yang mak-
sudnya:” Aku diperintahkan dengan menyem-
belih korban itu dan ia adalah sunat ke atas
kamu” Riwayat at- Tirmidzi

Huraian:

i) Qurban atau Udhiyah bermaksud menyembelih hai-
wan yang tertentu jenisnya daripada ternakan yang
dikategorikan sebagai al-an'am iaitu unta, lembu
(termasuk kerbau), biri-biri dan kambing pada Hari
Nahar atau Hari Raya Haji (10 Zulhijjah) dan
pada hari-hari Tasyrik (11,12 dan 13 Zulhijjah)
kerana bertaqarrub (mendekatkan diri) kepada Al-
lah.

ii) Antara hikmah korban adalah:

- a) Memperingati peristiwa ketaatan Nabi Ibrahim
a.s yang sanggup menyahut perintah Allah Ta'ala
untuk mengorbankan anaknya Nabi Ismail a.s.
- b) Melahirkan tanda bersyukur kepada Allah terha-
dap nikmat-nikmatnya yang melimpah-ruah.

c) Menanamkan perasaan kasih-sayang antara si kaya
dengansimiskin. iii) Fadhilat yang diperolehi daripada
ibadah korban amatbesar. Antaranyaialah:

a) Menambah amal kebajikan- Sabda Rasulullah s.a.w:
Maksudnya: "Korban itu bagi tuannya dengan setiap bu-
lunya adalah kebajikan". (Tirmidzi, Ibnu Majahdanal-
Hakim)

b) Sebagai penebus dosa- Sabda Rasulullah s.a.w
kepadaSayyidatinaFatimah:

Maksudnya: "Hai Fatimah,berdirilah di sisi korbanmu
dan saksikanlah ia, sesungguhnya titisan darahnya yang
pertama itu pengampunan bagimu atas dosa-dosamu yang
telah lalu". (al-Bazzar dan Ibnu Hibban)

c) Mendapat tempat yang mulia di sisi Allah- Sabda Ra-
sulullahs.a.w:

Maksudnya: "Wahai manusia, sembelihlah korban
dengan mengharapkan pahala daripada Allah den-
gan darahnya, bahawa sesungguhnya darah korban
itu jika ia tumpah ke bumi maka ia akan mengam-
bil tempat yang mulia di sisi Allah Azza Wajalla."




Berita ringkas SINAR AL-ULUM KD9....

Jemaah Qariah Surau Al-Ulum telah menerima seorang Imam baru yang dilantik iaitu Al-Ustaz Ibn Abdil Barry yang berasal daripada Indonesia bagi menggantikan Al-Ustaz Syarqawi yang melanjutkan pelajaran. Beliau adalah bekas penuntut daripada Universiti Al-Azhar. Di kesempatan ini kami Qariah Al-Ulum mengucapkan selamat datang dan selamat pengantin baru kerana beliau baru sahaja melangsungkan perkahwinannya dengan pasangannya rakyat Malaysia pada 6hb November 2009. Didoakan semoga berbahagia selamanya.

27hb November 2009 - Qariah penduduk KD9 dan sekitarnya menunaikan sembahyang sunat Hari Raya Aidil Adha di SURAU AL-ULUM yang telah diimamkan oleh Al-Ustaz Khairi Al Hafiz.

28hb November 2009 - Sebanyak lima ekor lembu telah dijadikan korban sempena menyambut Hari Raya Aidil Adha yang disumbangkan oleh penduduk sekitar Qariah Al-Ulum KD9. Terima kasih kepada para penyumbang dan penduduk sekitarnya yang sama-sama bergotong royong memasak, memotong daging lembu tersebut. SYABAS...

17hb Disember 2009- Satu majlis harijadi bagi merayakan anak-anak Qariah Al-Ulum akan diadakan. Semoga majlis ini dapat mengeratkan perhubungan di antara anak dan bapa serta persaudaraan di antara penduduk Qariah Al-Ulum.



ANSWERS FOR WORD JUMBLE:
One, Ten, Four, Eight, Thirteen

